



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepadayang 1,  
Basco Avenue@Kepadayang,  
31400 Ipoh, Perak

No.Tel : 605 - 246 2100  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (5)  
Tarikh : 15 April 2024

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.800-3/2/4(43) bertarikh 01 April 2024 - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024, Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.600-40/3/3 Jld.2 (21)(S) bertarikh 2 April 2024 – Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 kepada Individu *Contract For Service*, serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2024 - Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan kadar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 adalah sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak *Contract For Service (CFS)*, *Contract Of Service (COS)*, pegawai sambilan harian dan lantikan MySTEP.

3. Bayaran BKKA ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan veteran berpencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM250.00. Bayaran ini mulai dibayar kepada pegawai yang layak tertakluk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam dan dibayar pada 5 April 2023 (Jumaat). Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan perlu mengambil tindakan dan perhatian dengan memastikan Penyata Perubahan (Kew.8) bagi pegawai yang layak menerima BKKA disediakan **pada atau sebelum 30 April 2024**.

4. Laporan *Payroll Master Listing (PML)* dan Penyata Gaji *Off Cycle* bulan April 2024 perlu disemak dengan teliti bagi memastikan ketepatan pembayaran. Tindakan kutipan **SEGERA** perlu dibuat jika terdapat pembayaran kepada pegawai yang tidak layak menerima BKKA Tahun 2024. Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:

- i. Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang **tidak layak** menerima **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024** secara tunai atau *Electronic Fund Transfer (EFT)* dengan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan di dalam Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bilangan 12 Tahun 2022 - Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* Ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan.
- ii. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E):

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) berserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan lain yang berkaitan; dan

- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada **5 April 2024**; dan
  - iii. Memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).
6. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran BKKA Tahun 2024 adalah seperti berikut:

| Kod Elaun<br>(Payroll) | Kod Akaun | Perihal Kod   |
|------------------------|-----------|---|
| 1072                   | B0117102  | Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam   |
| 1072                   | B0117202  | Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan   |
| 1072                   | B0229306  | Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap |

7. BKKA Tahun 2024 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan bayaran ini dibuat dengan lancar. Sebarang pertanyaan berhubung BKKA Tahun 2024, boleh dirujuk kepada Unit Gaji Jabatan ini di talian 05-2462113/ 162/ 168.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitilan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**NOORAKMAR BINTI HUSSIN** A.M.P, C.A.(M), CPA (Aust.)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

E-mel : [pneg\\_prk@anm.gov.my](mailto:pneg_prk@anm.gov.my)

Tel. : 05-246 2115